



GARIS PANDUAN SKIM INSENTIF, PEMBIAYAAN DAN KOLABORASI PENERBITAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**Universiti Malaysia Kelantan
Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD)
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan
Tel: 09-779 7790
Emel: prd@umk.edu.my**

GARIS PANDUAN SKIM INSENTIF, PEMBIAYAAN DAN KOLABORASI PENERBITAN

1.0 LATAR BELAKANG

- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 15/2019 (Ke-211) telah meluluskan Skim Insentif Penerbitan, Pembiayaan dan Kolaborasi Penerbitan.
- Pelaksanaan skim ini adalah bagi penerbitan artikel jurnal yang diterbitkan pada tahun 2020 iaitu berkuatkuasa pada 1 Januari 2020.
- Bagi memastikan perlaksanaan insentif ini dengan lebih efektif, maka garis panduan ini akan sentiasa diperkemasukan dan diselaraskan mengikut keperluan MyRA.
- Inisiatif ini merupakan satu skim galakan dan penghargaan kepada staf akademik UMK dalam usaha meningkatkan statistik penerbitan artikel jurnal terutamanya dalam jurnal berindeks WoS™ Core Collection/SCOPUS dan juga meningkatkan bilangan sitasi.

2.0 OBJEKTIF

- UMK perlu menyediakan peruntukan bagi Skim Pembayaran Penerbitan, Skim Insentif Penerbitan dan Skim Insentif Kolaborasi Penerbitan bagi memastikan universiti dapat mencapai kriteria-kriteria MyRA seterusnya mencapai bintang MyRA yang lebih baik sepetimana yang disasarkan.
- Dengan pemberian insentif ini juga akan meningkatkan bilangan penerbitan artikel, buku penyelidikan dan bab dalam buku penyelidikan.
- Peningkatan kepada penerbitan yang semakin berkualiti ini membolehkan sitasi, faktor impak, H-index dan lain-lain turut meningkat dan sekaligus menaikkan nama staf akademik dan juga universiti khasnya.
- Meningkatkan reputasi dan kepercayaan daripada masyarakat antarabangsa terhadap staf akademik universiti. Apabila jenama UMK dilihat bertambah kualiti dengan adanya keseragaman dan penambahan kepada penerbitan yang berimpak tinggi berjaya dihasilkan. Dengan ini geran penyelidikan dari luar akan mudah diperolehi.

3.0 SYARAT PERMOHONAN

- Permohonan adalah dibuka kepada semua staf akademik UMK. (Tetap dan Kontrak)
- Artikel jurnal yang mempunyai afiliasi “**Universiti Malaysia Kelantan**” sahaja yang layak untuk memohon insentif.
- Hanya seorang penulis UMK per artikel sahaja yang layak memohon skim penerbitan ini (keutamaan kepada penulis utama).
- Bagi penerbitan yang ditulis secara bersama di mana kumpulan penulis adalah di kalangan staf UMK, maka disarankan agar ganjaran dibahagikan seperti yang telah dipersetujui secara bersama. Seorang penulis sahaja dibenarkan untuk memohon skim ini. Pembahagian insentif sesama penulis berdasarkan budi bicara penulis utama..
- Permohonan skim-skim ini adalah tertakluk kepada kategori di bawah :

KATEGORI	PEMBAYARAN JURNAL (GERAN)	SKIM PEMBIAYAAN PENERBITAN	SKIM INSENTIF DAN KOLABORASI PENERBITAN
1	Ya	Tidak	Ya
2	Tidak	Ya	Tidak
3	Tidak	Tidak	Ya

4.0 SKIM INSENTIF PENERBITAN

- Kadar pembayaran insentif adalah seperti berikut (Jadual 1) :

Kategori	Quartile (Percentile)	Kadar Insentif/ Artikel (RM)
JURNAL WOS	Q1	2,500.00
	Q2	1,500.00
	Q3	750.00
	Q4	400.00

JURNAL/PROSIDING SCOPUS/WOS (SELAIN JCR)	300.00
BUKU PENYELIDIKAN (MAPIM) / ANTARABANGSA	1,000.00
BAB DALAM BUKU PENYELIDIKAN (MAPIM) / ANTARABANGSA	200.00

Jadual 1: Kadar Insentif Bagi Penerbitan Mengikut Kategori

5.0 SKIM PEMBIAYAAN PENERBITAN

- Had bayaran yang dibenarkan untuk Skim Pembayaran Penerbitan adalah tertakluk kepada jurnal yang mempunyai IF dan termasuk dalam *quartile* seperti di bawah:

KATEGORI	Quartile (percentile)	Had Pembayaran/ Artikel (RM)
JURNAL WOS	Q1	5,000.00
	Q2	5,000.00
	Q3	1,000.00
	Q4	1,000.00
JURNAL/PROSIDING SCOPUS/WOS (SELAIN JCR)		1,000.00

Jadual 2: Kadar Pembayaran Bagi Penerbitan Mengikut Kategori

6.0 SKIM KOLABORASI PENERBITAN

- Kadar pembayaran insentif adalah seperti berikut :

Kolaborasi	Insentif
Antarabangsa	RM 300.00
Industri	RM 300.00

Jadual 3: Kadar Pembiayaan Bagi Penerbitan Mengikut Kategori

- Jumlah maksimum pemberian insentif kolaborasi untuk setiap artikel adalah sebanyak **RM300.00**.

7.0 KELULUSAN PEMBAYARAN

- Setiap penerbitan staf UMK wajib direkodkan di dalam **repositori** oleh penulis utama (corresponding author/first UMK author) dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh diterbitkan (mempunyai volum, isu, no. muka surat) dan memuat naik bukti penerbitan. Pihak RIMC tidak akan memproses permohonan insentif penerbitan penyelidik sekiranya mereka gagal berbuat demikian.
- Pemohon digalakkan untuk *cited* artikel yang diterbitkan oleh penulis UMK dan artikel tersebut mestilah diindeks oleh Scopus/ WOS.
- Semakan dan pengesahan penerbitan menggunakan **quartile (percentile) semasa** sebagai dasar pembayaran insentif bagi yang diindeks di dalam WoS. Jika artikel mempunyai disiplin kategori **quartile (percentile)** berbeza, **quartile (percentile)** yang tertinggi akan dipilih.
- Pembayaran akan dibuat berdasarkan artikel yang telah diindeks serta telah disahkan oleh pihak Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, UMK.

8.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- Pemohon dikehendaki melengkapkan borang permohonan skim insentif,pembiasaan dan kolaborasi penerbitan. Borang boleh di muat turun melalui laman sesawang research.umk.edu.my (RIMC) atau ecomm.umk.edu.my.
- Pemohon dikehendaki melampirkan dokumen sokongan/perkara-perkara berikut:
 - i) Surat atau e-mel penerimaan artikel untuk diterbitkan dalam jurnal berkaitan.
 - ii) Bukti jurnal tersenarai di WoS™ Core Collection/ SCOPUS.
 - iii) Resit bayaran yuran penerbitan jurnal. (Skim Pembiasaan Penerbitan)
 - iv) Satu salinan hardcopy artikel. (jika ada)

9.0 ALIRAN PERMOHONAN

- Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan Skim Insentif Penerbitan serta disokong dengan bahan bukti penerbitan dan dihantar ke RIMC (u.p.: Pengarah (Bahagian Penerbitan dan Penarafan)


10.0 TARIKH KUATKUASA

- 01 Januari 2020

11.0 PERTANYAAN

- Sebarang pertanyaan, sila hubungi Bahagian Penerbitan dan Penarafan, RIMC
di talian 09-7797790/ 09-7797781

CARTA ALIR BAGI SKIM PEMBIAYAAN PENERBITAN



CARTA ALIR BAGI SKIM INSENTIF DAN KOLABORASI PENERBITAN

